

SH 11/10/2020
m/s 37

Spesies itu terdampar di Pantai Chenang akibat peralihan monsun jadi rezeki kepada penduduk

LANGKAWI

Ribut serta ombak kuat sejak dua hari lalu berikutan fasa peralihan monsun membawa limpahan rezeki kepada penduduk sekitar pulau ini apabila pelbagai jenis kerang-kerangan seperti siput kabung dan siput paha ayam ditemukan terdampar di Pantai Chenang.

Suasana di pantai itu bagaikan pesta apabila puluhan penduduk datang bersama-sama ahli keluarga masing-masing membawa bakul, baldi serta

'Pesta' siput kabung

FOTO: BERNAMA



Kelihatan orang ramai sedang mengutip siput kabung yang terdampar di Pantai Chenang, Langkawi ketika tinjauan semalam.

plastik untuk mengutip kerang-kerangan berkenaan.

Mohamad Fitri Azizan, 38, dari Ulu Melaka berkata, beliau mengetahui mengenai aktiviti mengutip siput di Pantai Chenang menerusi media sosial dan

memutuskan untuk turut serta bersama-sama keluarganya.

"Hari ini (semalam) cuti jadi saya bersama isteri datang untuk turut sama mengutip siput di sini sejak jam 10.30 pagi tadi (semalam). Kami dapat kutip

hampir sebaldi," katanya kepada *Bernama*.

Menurutnya, siput kabung boleh dijadikan juadah seperti cucur, selain turut berhasrat untuk memberikan sedikit kepada jiran dan rakan-rakan.

Sementara itu, Pegawai Pertahanan Awam Daerah Langkawi, Kapten (PA) Ahmad Shahfikri Darus berkata, pihaknya menyedari kejadian tersebut sejak petang Khamis lepas.

"Siput terdampar sepanjang 900 meter berdekatan menara penyelamat pantai APM Daerah Langkawi yang terletak berhampiran sebuah resort lima bintang di Pantai Chenang ini. Sejak semalam (kelmarin), seawal jam 8 pagi sudah ramai datang mengutip siput terbabit.

"Anggota penyelamat pantai APM Daerah Langkawi turut memantau keadaan bagi memastikan keselamatan orang ramai," katanya.

Tinjauan *Bernama* mendapati petugas syarikat pengurusan sisa pepejal E-Idaman Sdn Bhd (E-Idaman) turut berada di lokasi tersebut untuk mengutip dan membuang siput rosak. *-Bernama*